

Headline	Bekalan elektrik pulih		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	9
ArticleSize	77 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,070		



Bekalan elektrik pulih

KUALALUMPUR - Bekalan elektrik di Terengganu dan beberapa kawasan di Pahang kembali pulih sepenuhnya, sehingga jam 11 pagi semalam.

Menurut kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB), sejumlah 30 pencawang elektrik di kedua-dua negeri itu dihenti tugas melibatkan 2,270 akaun pengguna.

Di Terengganu, katanya bekalan elektrik di Cukai, Al-Muktafi Billah Shah, Cheneh, Kuala Berang dan Dungun

telah pulih sedia kala, hanya dua pencawang elektrik di Geliga yang masih dihenti tugas melibatkan dua akaun pengguna.

Katanya 13 set jana kuasa telah dibekalkan di Kemaman.

Katanya di Pahang, bekalan elektrik di beberapa daerah di negeri itu iaitu Kuantan, Gebeng, Rompin dan Muadzam telah kembali pulih.

Namun, sejumlah 28 pen-

cawang elektrik masih dihenti tugas antaranya di Pekan (6), Jerantut (7), Triang (11) dan Temerloh (4).

Hanya sebilangan kecil bekalan elektrik di Lipis dan Maran masih dihenti tugas.

Menurut kenyataan itu, jumlah akaun pengguna yang tiada bekalan elektrik adalah 2,198.

Katanya sebanyak 22 set jana kuasa dibekalkan di Kuantan, Jerantut dan Triang.